



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENGARUH PERSEKITARAN KELUARGA DAN PERUMAHAN
TERHADAP TINGKAH LAKU REMAJA DI AMPANG JAYA, SELANGOR***

NOR AF'IDAH BINTI RAMELI

FEM 2014 44



**PENGARUH PERSEKITARAN KELUARGA DAN PERUMAHAN
TERHADAP TINGKAH LAKU REMAJA DI AMPANG JAYA, SELANGOR**

Oleh

NOR AF'IDAH BINTI RAMELI

**Tesis dikemukakan kepada sekolah pengajian siswazah,Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

September 2014

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini , termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**PENGARUH PERSEKITARAN KELUARGA DAN PERUMAHAN
TERHADAP TINGKAH LAKU REMAJA DI AMPANG JAYA, SELANGOR**

Oleh

NOR AF'IDAH BINTI RAMELI

September 2014

Pengerusi : Profesor Madya Haslinda Abdullah, PhD

Fakulti : Ekologi Manusia

Golongan remaja merupakan generasi yang bakal mewarisi negara pada masa akan datang. Namun, peningkatan kadar jenayah dan salah laku yang melibatkan remaja sangat membimbangkan seluruh masyarakat. Terdapat pelbagai faktor yang dikenalpasti merupakan pendorong kepada masalah ini. Antaranya adalah seperti faktor keluarga, rakan sebaya dan media massa. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti perkaitan antara persekitaran perumahan dengan tingkah laku devian remaja di perumahan pangsa kos rendah Pandan Jaya, Ampang. Seramai 200 orang remaja berumur antara 12 hingga 18 tahun berjaya dipilih sebagai responden kajian. Kajian ini menggunakan satu set borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 20. Analisis deskriptif digunakan untuk menganalisis frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai. Pekali Korelasi Pearson digunakan untuk menguji hubungan antara persekitaran perumahan dan tingkah laku devian remaja. Manakala analisis regresi berganda digunakan untuk menguji kesan moderator. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tingkah laku devian remaja di perumahan pangsa Pandan Jaya adalah pada tahap yang rendah. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara persekitaran perumahan dan tingkah laku devian remaja ($r = -0.428^{**}$). Hasil ujian regresi berganda menunjukkan bahawa persekitaran keluarga adalah merupakan moderator di mana ia mengurangkan kekuatan hubungan antara persekitaran perumahan dan tingkah laku devian remaja ($\Delta R^2 = 0.006$). Kesimpulannya, kualiti persekitaran keluarga yang tinggi akan mengurangkan tahap penglibatan remaja dalam tingkah laku devian walaupun kualiti persekitaran perumahan adalah rendah. Ini menunjukkan bahawa persekitaran keluarga memberikan pengaruh yang besar terhadap perkembangan dan tingkah laku seseorang. Menurut Hoffman (1994), keluarga telah membentuk personaliti seseorang sejak kecil dan terus memberikan pengaruh yang amat besar kepada tingkah laku, sikap dan pemikiran seseorang. Oleh itu, usaha ke arah pemantapan institusi kekeluargaan

adalah merupakan salah satu jalan penyelesaian kepada pelbagai masalah dalam kalangan remaja masa kini.



Abstract of the thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the Degree of Master Science

THE INFLUENCE OF FAMILY ENVIRONMENT AND HOUSING ENVIRONMENT TOWARDS THE BEHAVIOR OF ADOLESCENTS IN AMPANG JAYA, SELANGOR

By

NOR AF'IDAH BINTI RAMELI

September 2014

Chairman : Profesor Madya Haslinda Abdullah, PhD

Faculty : Human Ecology

Our young generation are the one who will lead our society in the future. However, the increasing of youth involvement in crime and deviant behavior is alarming the society. There are various factors that may contribute to deviant behavior like family, peers and mass media. The purpose of this study is to identify the relationship between housing environment and adolescents deviant behaviour at low-cost housing flats at Pandan Jaya Ampang. A total of 200 adolescents aged 12 to 18 years old were chosen as the sample of this study. A set of questionnaire was chosen as an instrument. The data collected was processed using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 20. Descriptive analysis was used to describe the frequency, percentage, mean and standard deviation. Pearson Correlation was used to test the relationship between housing environment and deviant behavior among teenagers. While multiple regression was used to indicate the moderator effect. Finding of the study showed that the level of adolescent deviant behavior was at low level. The finding also showed that there was a significant relationship between housing environment and adolescent deviant behavior ($r = -0.428^{**}$). Finding from multiple regression analysis showed that family environment was the moderator, where it reduced the strength of relationship between housing environment and adolescent deviant behavior. As the conclusion, the high quality of adolescent deviant behavior despite the quality of housing environment was low. This shows that the family environment had a major influence on the development and the behavior of an individual. According to Hoffman (1994), family has established the personality of an individual during childhood and continue to provide enormous influence on their behavior, attitude and thinking. Therefore, efforts towards strengthening the family institution is one of the solutions to overcome the various problems among adolescents.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan kurnianya, akhirnya dapat juga saya menyelesaikan kajian ini sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana (Psikologi Sosial).

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada kedua ibu bapa dan suami tercinta kerana telah banyak berkorban, memberikan semangat, nasihat yang berguna dan sumbangan yang sangat bermakna dalam meneruskan pengajian dan seterusnya menyiapkan kajian ini dengan jayanya.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Haslinda binti Abdullah dan Prof. Madya Dr. Nobaya binti Ahmad selaku penyelia projek ini yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, bimbingan, teguran dan nasihat sepanjang proses menjalankan kajian ini.

Penghargaan dan ucapan terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan dan pensyarah-pensyarah yang telah banyak memberikan tunjuk ajar dan sokongan dalam menjayakan kajian ini. Jasa kalian semua sangat bermakna dan berharga dan hanya Allah sahaja yang mampu membalasnya.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 8 September 2014 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Nor Afidah binti Rameli bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Pengaruh Persekitaran Keluarga dan Perumahan terhadap Tingkah Laku Remaja di Ampang Jaya, Selangor” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Ahmad Tarmizi bin Talib, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Adlina binti Ab Halim, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Hanina Halimatunsaadiah binti Hamsan, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Malini a/p K Ratnasingam, PhD

Profesor Madya
Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya
(Pemeriksa Luar)



ZULKARNAIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Date: 23 Januari 2015

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Haslinda Abdullah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Nobaya Ahmad, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: 1R1GDKEDPHD (GS28665)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama

Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan : Prof. Madya Dr. Haslinda Abdullah

Tandatangan: _____

Nama

Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan : Prof. Madya Dr. Nobaya Ahmad

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
PENGESAHAN	v
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv

BAB

1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	5
1.3 Persoalan Kajian	7
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Hipotesis Kajian	8
1.6 Kepentingan Kajian	8
1.7 Kerangka Teori	9
1.8 Kerangka Konseptual	11
1.9 Definisi Istilah	13
1.10 Skop dan Limitasi Kajian	14
1.11 Rumusan	15

2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	16
2.2 Tingkah Laku Devian Remaja	16
2.2.1 Remaja	16
2.2.2 Tingkah Laku Devian	18
2.2.3 Faktor-faktor Tingkah Laku Devian Remaja	18
2.3 Perumahan	22
2.3.1 Kualiti Perumahan	24
2.3.2 Implikasi Kualiti Perumahan Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja	24
2.4 Persekitaran Keluarga Dan Implikasinya Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja	27
2.4.1 Kasih Sayang	28
2.4.2 Kepatuhan Agama	29
2.4.3 Gaya Asuhan	29
2.5 Kesimpulan	31
2.6 Rumusan	32

3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	33
3.2	Reka Bentuk Kajian	33
3.3	Lokasi Kajian	33
3.4	Populasi Kajian	34
3.5	Persampelan Kajian	34
3.6	Kaedah Persampelan	34
3.7	Pengumpulan Data	35
3.8	Instrumen Kajian	35
3.9	Kajian Rintis	38
3.10	Penganalisan Data	39
3.10.1	Analisis Deskriptif	39
3.10.2	Analisis <i>Pearson Correlation</i> dan Analisis <i>Rereasion</i>	39
3.11	Rumusan	40

4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	41
4.2	Huraian Latar Belakang Responden	41
4.2.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	41
4.2.2	Taburan Responden Mengikut Umur	41
4.2.3	Taburan Responden Mengikut Pendapatan Keluarga	42
4.2.4	Taburan Responden Mengikut Bilangan Isi Rumah	42
4.2.5	Taburan Responden Mengikut Status Persekolahan	43
4.3	Analisis Dapatan Kajian Berdasarkan Persoalan Kajian	43
4.3.1	Persoalan Kajian 1: Apakah Tahap Kualiti Persekitaran Perumahan Responden?	43
4.3.1.1	Analisis Deskriptif Kualiti Persekitaran Perumahan Responden Dari Aspek Struktur Fizikal Rumah	44
4.3.1.2	Analisis Deskriptif Kualiti Persekitaran Perumahan Responden Dari Aspek Kemudahan	45
4.3.1.3	Analisis Deskriptif Kualiti Persekitaran Perumahan Responden Dari Aspek Kejiranan	46
4.3.1.4	Analisis Deskriptif Kualiti Persekitaran Perumahan Responden Dari Aspek Keselamatan	46
4.3.1.5	Analisis Tahap Kualiti Persekitaran Perumahan Responden	47
4.3.2	Persoalan Kajian 2: Apakah Tahap Penglibatan Remaja Dalam Tingkah Laku Devian?	47

4.3.2.1 Analisis Deskriptif Tahap Penglibatan Remaja Dalam Tingkah Laku Devian (Fizikal)	48
4.3.2.2 Analisis Deskriptif Tahap Penglibatan Remaja Dalam Tingkah Laku Devian (Verbal)	49
4.3.2.3 Analisis Deskriptif Tahap Penglibatan Remaja Dalam Tingkah Laku Devian (Seksual)	50
4.3.2.4 Analisis Deskriptif Tahap Penglibatan Remaja Dalam Tingkah Laku Devian (Anti Sosial)	51
4.3.2.5 Analisis Tahap Penglibatan Remaja Dalam Tingkah Laku Devian	53
4.3.3 Persoalan Kajian 3: Adakah Terdapat Hubungan Antara Tahap Kualiti Persekitaran Perumahan Dengan Tingkah Laku Devian Remaja?	54
4.3.3.1 Hipotesis 1: Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Tahap Kualiti Persekitaran Perumahan Remaja Dengan Tahap Penglibatan Remaja Dalam Tingkah Laku Devian	54
4.3.4 Persoalan Kajian 4: Apakah Hubungan Antara Persekitaran Perumahan dan Tingkah Laku Devian Remaja Apabila Elemen Persekitaran Keluarga Bertindak Sebagai Moderator?	55
4.3.4.1 Analisis Deskriptif Tahap Kualiti Persekitaran Keluarga Responden Dari Aspek Kasih Sayang	55
4.3.4.2 Analisis Deskriptif Tahap Kualiti Persekitaran Keluarga Responden Dari Aspek Kepatuhan Agama	57
4.3.4.3 Analisis Deskriptif Tahap Kualiti Persekitaran Keluarga Responden Dari Aspek Gaya Asuhan	58
4.3.4.3.1 Autoritarian	58
4.3.4.3.2 Autoritatif	60
4.3.4.3.3 Permisif	62
4.3.4.4 Analisis Tahap Kualiti Persekitaran Keluarga Responden	64
4.3.4.5 Analisis Hubungan Antara Persekitaran Perumahan dan Tingkah Laku Devian Remaja Apabila Elemen Persekitaran Keluarga Bertindak Sebagai Moderator	64
4.4 Kesimpulan	67
4.5 Rumusan	67

5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	68
5.2	Perbincangan Hasil Kajian	68
5.2.1	Perbincangan Latar Belakang Responden	68
5.2.2	Perbincangan Berdasarkan Persoalan Kajian	69
5.2.2.1	Kualiti Persekitaran Perumahan	69
5.2.2.2	Tahap Penglibatan Remaja Dalam Tingkah Laku Devian	70
5.2.2.3	Hubungan Antara Kualiti Perumahan Dan Tingkah Laku Devian Remaja	71
5.2.2.4	Hubungan Antara Kualiti Perumahan Dan Tingkah Laku Devian Apabila Elemen Persekitaran Keluarga Bertindak Sebagai Moderator	73
5.3	Kesimpulan	73
5.4	Implikasi	75
5.4.1	Hubungan Perumahan dan Tingkah Laku Devian	77
5.4.2	Hubungan Persekitaran Keluarga dan Tingkah Laku Devian	76
5.5	Cadangan	76
5.5.1	Pihak Pemaju Perumahan	76
5.5.2	Ibu Bapa	77
5.5.3	Pihak polis	77
5.5.4	Kementerian Keluarga, Wanita dan Masyarakat	77
5.5.5	Kementerian Belia dan Sukan	78
5.5.6	Pihak Berkuasa Tempatan	78
5.5.7	Kementerian Penerangan, Komunikasi, Kesenian dan Kebudayaan	78
5.5.8	Pengkaji Akan Datang	79
5.5	Rumusan	80
RUJUKAN		81
LAMPIRAN		91
BIODATA PELAJAR		105
SENARAI PENERBITAN		106

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
3.1 Skala Likert Kualiti Perumahan	36
3.2 Tahap Kualiti Persekitaran Perumahan	36
3.3 Skala Likert Kualiti Persekitaran Keluarga	37
3.4 Tahap Kualiti Persekitaran Keluarga	37
3.5 Skala Likert Penglibatan Remaja Dalam Tingkah Laku Devian	38
3.6 Tahap Penglibatan Remaja Dalam Tingkah Laku Devian	38
3.7 Analisis Pengukuran Objektif	40
4.1 Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Jantina	41
4.2 Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Umur	42
4.3 Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Pendapatan Keluarga	42
4.4 Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Bilangan Isi Rumah	43
4.5 Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Status Persekolahan	43
4.6 Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Item Struktur Fizikal Rumah	44
4.7 Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Aspek Kemudahan	45
4.8 Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Aspek Kejiranan	46
4.9 Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Aspek Keselamatan	47
4.10 Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai bagi Tingkah Laku Devian (Fizikal)	49
4.11 Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Tingkah Laku Devian (Verbal)	50
4.12 Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Tingkah Laku Devian (Seksual)	51
4.13 Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Tingkah Laku Devian (Anti Sosial)	53
4.14 Analisis Korelasi Pearson Untuk Hubungan Antara Kualiti Persekitaran Perumahan Dengan Tahap Penglibatan Remaja Dalam Tingkah Laku Devian	55
4.15 Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Tahap Persekitaran Keluarga Dari Aspek Kasih Sayang	56
4.16 Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Tahap Persekitaran Keluarga Dari Aspek Kepatuhan Agama	58
4.17 Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Tahap Persekitaran Keluarga Dari Aspek Gaya Asuhan Autoritarian	60

4.18	Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Tahap Persekitaran Keluarga Dari Aspek Gaya Asuhan Autoritatif	62
4.19	Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Tahap Persekitaran Keluarga Dari Aspek Gaya Asuhan Permisif	63
4.20	Analisis Regresi Berganda Persekitaran Keluarga Sebagai Moderator	64
4.21	Analisis Ujian Korelasi Antara Persekitaran Perumahan Dan Tingkah Laku Devian Remaja Apabila Faktor Persekitaran Keluarga Bertindak Sebagai Moderator (rendah)	65
4.22	Analisis Ujian Korelasi Antara Persekitaran Perumahan Dan Tingkah Laku Devian Remaja Apabila Faktor Persekitaran Keluarga Bertindak Sebagai Moderator (tinggi)	65

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1.1 Teori Kekecewaan Agresif	9
1.2 Kerangka Konseptual	11
3.1 Aliran Kaedah Pemilihan Sampel Kajian	35
4.1 Graf Hubungan Persekitaran Perumahan Dan Tingkah Laku Devian Remaja	66
4.2 Model Keseluruhan Kajian	67



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Golongan remaja merupakan generasi yang bakal mewarisi negara pada masa akan datang. Pelbagai harapan diletakkan agar mereka berupaya menjadi individu yang berguna serta mampu menyumbang ke arah kesejahteraan negara. Namun pada hakikatnya sekarang, pelbagai pihak menaruh kebimbangan tentang pelbagai gejala sosial yang melanda remaja.

Peningkatan kadar jenayah dan salah laku terutamanya yang melibatkan remaja bukan sahaja membimbangkan ibu bapa, malahan melibatkan seluruh masyarakat (Azizi & Badruzaman, 2003). Remaja yang terlibat dalam aktiviti salah laku ini sering dilabelkan sebagai devian atau delinkuen. Menurut Robert Merton (1976), devian didefinisikan sebagai kelakuan yang menyimpang secara signifikan daripada norma-norma yang ditentukan dalam masyarakat. Menurut Kamus Dewan (2003), tingkah laku devian didefinisikan sebagai perlakuan yang menyimpang atau melencong. Ini disokong oleh Azizi Yahaya, Fauziah Yahaya, Zurihanmi Zakariya dan Noordin Yahaya (2005), yang menyatakan bahawa tingkah laku devian memberi maksud tingkah laku yang melanggar norma-norma masyarakat tertentu. Manakala menurut Mc Caghy (1985), tingkah laku devian adalah tingkah laku yang tidak dapat diterima oleh masyarakat.

Menurut Azizi dan Badruzaman (2006), tingkah laku devian boleh ditunjukkan dalam pelbagai bentuk dan cara tanpa mengira usia atau jantina. Pelbagai tingkah laku negatif yang dianggap menyimpang dan tidak dapat diterima oleh masyarakat adalah dianggap sebagai tingkah laku devian. Antara contoh-contoh tingkah laku devian adalah seperti ponteng sekolah, melawan guru, mencuri, penyalahgunaan dadah, meminum minuman keras, vandalisme dan sebagainya (Regoli & Hewitt, 1991). Secara umumnya tingkah laku devian dalam kajian ini dibahagikan kepada empat kategori iaitu tingkah laku fizikal, verbal, tingkah laku seksual dan tingkah laku anti sosial.

Dryfoos (1990) dalam kajiannya tentang remaja devian dan delinkuen, menyatakan bahawa terdapat empat kategori berkaitan dengan remaja berisiko dari lingkungan umur 10 hingga 17 tahun. Dapatan kajian menunjukkan peratusan jumlah remaja yang sangat berisiko tinggi, iaitu terlibat dengan salah laku jenayah yang berat seperti merogol, penyalahgunaan dadah, membunuh dan sebagainya adalah sebanyak 10 peratus. Diikuti dengan remaja berisiko tinggi iaitu terlibat dengan salah laku kurang serius seperti pergaulan bebas, terlibat dengan video lucah, bergaduh, menyerang fizikal, lumba haram dan seumpamanya adalah sebanyak 15 peratus. Manakala peratus remaja berisiko sederhana, iaitu terlibat dengan tingkah laku devian yang agak ringan seperti ponteng sekolah, vandalisme, mencuri, melepak, melawan ibu bapa dan seumpamanya adalah sebanyak 25 peratus. Manakala selebihnya merupakan remaja berisiko rendah, iaitu sama ada tidak melakukan tingkah laku devian atau tidak mudah terpengaruh dengan gejala negatif.

Pelbagai kajian telah dijalankan oleh pelbagai pihak bagi mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong kepada tingkah laku devian remaja. Azizi dan Rohaya (2009), mendapati bahawa antara faktor pendorong remaja bertingkah laku devian adalah faktor psikologi atau faktor diri remaja itu sendiri. Menurut Zainal & Sharani (2006), faktor psikologi individu seperti kekecewaan dalam hidup mendorong remaja untuk bertindak agresif atau bertingkah laku devian.

Duke (1980), menyatakan bahawa setiap individu itu bertanggungjawab di atas perlakuan mereka sendiri. Sebagai remaja, mereka mengalami perubahan daripada alam kanak-kanak ke alam dewasa. Fasa perubahan ini merupakan masa yang mengelirukan remaja kerana golongan remaja ini akan melalui peringkat perubahan diri yang kritikal dari segi mental dan fizikal. Pelbagai fenomena ganjil menghujani mental dan fizikal mereka dan golongan remaja yang menghadapi tekanan cenderung untuk melakukan tindakan-tindakan di luar kawalan (Zainuddin & Norazmah, 2011). Fenomena ini berlaku mungkin disebabkan oleh remaja yang terlibat ingin meluahkan perasaan tidak puas hati, ingin membalas dendam dan sebagainya (Azizi & Rosnah, 2007).

Selain itu, pengaruh rakan sebaya turut menjadi pendorong kepada tingkah laku devian dalam kalangan remaja. Menurut hasil kajian yang dijalankan oleh Othman Md Johan dan Norazmah Mohamad Roslan (2010), menunjukkan rakan sebaya merupakan pendorong utama kepada berlakunya aktiviti-aktiviti yang tidak sihat dalam kalangan remaja. Mereka berpendapat remaja mudah menerima ajakan daripada rakan-rakan kerana mereka percaya apa yang dilakukan oleh mereka adalah betul dan boleh mendatangkan keseronokan.

Manakala menurut kajian Asmak (2006), pengaruh rakan sebaya remaja terlibat dengan salah laku merupakan peratusan tertinggi iaitu 63.6%, di mana remaja biasanya lebih mudah meniru dan terpengaruh dengan rakan sebaya. Ini turut disokong oleh hasil kajian oleh Ezhar Tamam et al., (2007) yang mendapati lebih dari separuh responden kajian (antara 60% hingga 76%) dikatakan berisiko tinggi terdedah kepada risiko rakan sebaya.

Seterusnya, faktor keluarga juga merupakan salah satu pendorong kepada tingkah laku devian remaja kerana keluarga merupakan antara pengaruh utama dalam kehidupan seseorang remaja (Hoffman, 1996). Utti (2006), menyatakan bahawa keibubapaan telah dikenalpasti sebagai satu elemen utama yang akan memandu kehidupan sosialisasi anak-anak. Menurut Boroffice (2004), kepincangan keluarga yang disebabkan oleh penceraian dan pergaduhan antara ibu dan bapa akan mendorong remaja untuk terlibat dalam pelbagai bentuk tingkah laku devian. Ini disokong oleh Hyssong (2000), yang menyatakan bahawa perpisahan yang berlaku antara ibu dan bapa akan memberikan tekanan kepada remaja, dan seterusnya akan mendorong kepada kemerosotan dalam pelajaran dan terlibat dalam tingkah laku devian.

Secara umumnya kajian ini cuba untuk melihat faktor lain selain daripada faktor diri sendiri, faktor keluarga dan faktor rakan sebaya yang mendorong kepada tingkah laku devian remaja. Faktor tersebut adalah faktor persekitaran perumahan remaja. Kajian ini cuba memfokuskan kepada sejauh manakah elemen persekitaran perumahan mendorong kepada tingkah laku devian remaja. Ini adalah penting kerana perkembangan seseorang remaja amat dipengaruhi oleh persekitarannya (Azizi & Badruzaman, 2003). Selain dari persekitaran keluarga, persekitaran perumahan juga merupakan persekitaran yang paling hampir dengan remaja. Ini kerana rumah adalah tempat utama di mana seseorang individu memenuhi keperluan asasnyanya, mempelajari tentang kehidupan dan membina jati diri (Fashbir, 2000).

Menurut Ahmad Nadzri (2002), persekitaran perumahan adalah salah satu elemen penting yang mampu mempengaruhi personaliti dan tingkah laku individu. Ini kerana di perumahan mereka, manusia sentiasa terdedah kepada rangsangan-rangsangan sama ada rangsangan yang positif ataupun negatif. Rangsangan yang positif adalah seperti kediaman yang selesa dan bersih akan menimbulkan suasana yang damai dan keharmonian dalam masyarakat. Namun bagi mereka yang terdedah kepada rangsangan yang negatif seperti suasana yang bising, panas dan sempit akan menimbulkan kegelisahan, tidak selesa dan mendorong kepada masalah sosial dan tingkah laku negatif dalam kalangan penghuni.

Ini disokong oleh Vera-Toscano dan Esperanza (2008), yang menyatakan bahawa persekitaran perumahan yang sempurna akan mendatangkan kesan yang positif kepada penghuni, manakala perumahan yang tidak sempurna akan memberikan kesan yang negatif kepada penghuninya. Ini kerana, perumahan merupakan faktor penting yang menyumbang kepada kesejahteraan hidup manusia. Menurut Nurizan, Juliana dan Norfaizura (1998), perumahan yang tidak sempurna mampu mempengaruhi secara langsung atau tidak langsung dari segi kepuasan perumahan, ketenteraman, kesihatan keluarga, pencapaian akademik anak-anak, hubungan kekeluargaan dan indikator sosial yang lain terutamanya anak-anak yang sedang membesar.

Menurut Terrence dan Ronald (2005), terdapat pelbagai masalah sosial yang timbul akibat daripada rangsangan-rangsangan yang negatif yang terdapat di kawasan perumahan. Antaranya adalah seperti jenayah, lari dari rumah dan pengambilan alkohol. Statistik menunjukkan masalah tingkah laku devian adalah lebih tinggi berlaku dalam kalangan remaja yang tinggal di perumahan yang sempit, terlalu padat sehingga menyebabkan kesesakan dan tidak selesa berbanding remaja yang tinggal di rumah yang lebih besar dan selesa (Ahmad, 2003).

Sebagai contoh, rumah yang mempunyai bilangan bilik yang terhad menyebabkan mereka terpaksa berkongsi bilik dengan ahli keluarga yang lain, dan ruang tamu yang sempit akan membataskan aktiviti kekeluargaan penghuni. Menurut Jamsiah dan Hazlinda (2009), salah laku sosial lebih tinggi dalam kalangan remaja yang berasa tidak selesa berada di rumah (78.4%) berbanding remaja yang berasa selesa berada di rumah (69.8%).

Menurut Zainudin (2006), kebanyakan aktiviti salah laku bermula atau berlaku dalam kalangan penduduk yang berpendapatan rendah dan menetap di kawasan-kawasan berisiko tinggi seperti rumah setinggan, rumah panjang dan rumah pangsa kos rendah. Menurut beliau juga, kepadatan penduduk di sesebuah perumahan dikatakan

sebagai salah satu faktor timbulnya masalah-masalah sosial dalam kalangan penduduk dan tingkah laku devian terutamanya remaja. Ini disokong oleh Clapham (1990), yang mendapati bahawa sebahagian daripada tingkah laku devian adalah berpunca daripada keadaan persekitaran perumahan yang merangkumi aspek hubungan dengan masyarakat sekeliling, kesesakan, pencemaran bunyi dan kemudahan yang disediakan.

Leventhal & Brooks-Gunn (2000), pula mendapati bahawa remaja yang tinggal di perumahan yang bermasalah lebih tinggi terlibat dalam masalah sosial, masalah emosi dan masalah tingkah laku berbanding dengan remaja yang tinggal di perumahan yang sempurna dan selesa. Menurut Brooks-Gunn et al., (1993), golongan remaja adalah kumpulan individu yang lebih dipengaruhi oleh persekitaran perumahan berbanding kanak-kanak kerana mereka lebih terdedah kepada persekitaran tersebut berbanding kanak-kanak.

Menurut Fang et. al. (1998), kualiti persekitaran perumahan yang rendah boleh menyebabkan ketidakpuasan dan meningkatkan punca tekanan individu (Boardman et al., 2001). Tekanan ini terhasil daripada unsur-unsur negatif dan interaksi yang negatif dalam masyarakat. Sebagai contoh, Aneshensel and Sucoff (1996), telah mengenalpasti bahawa persekitaran perumahan yang tidak sempurna telah meningkatkan tahap tekanan dan kemurungan remaja di Los Angeles. Remaja yang tinggal di perumahan yang bermasalah lebih cenderung untuk terlibat dalam jenayah, merosakkan harta benda, dan membuat bising dan mereka ini akhirnya menghadapi masalah mental.

Selain itu, tekanan psikologi yang tinggi dalam kalangan remaja yang tinggal di perumahan yang tidak sempurna telah meningkatkan kecenderungan mereka untuk terlibat dengan dadah.

Selain dari memfokuskan kepada aspek persekitaran perumahan remaja, kajian ini juga memfokuskan kepada aspek persekitaran keluarga remaja di mana ia akan diuji sebagai moderator kepada hubungan antara persekitaran perumahan dan tingkah laku devian remaja. Ini kerana, persekitaran keluarga juga merupakan persekitaran yang paling hampir dan penting buat seseorang remaja (Azizi dan Badruzaman, 2003). Kajian-kajian terdahulu di Malaysia dan di barat telah menunjukkan bahawa hubungan kekeluargaan yang baik telah dikaitkan dengan kesejahteraan hidup remaja dari aspek-aspek kepuasan hidup, konsep sendiri, tingkah laku dan pencapaian akademik (Fatanah, 1997). Menurut Jacobvitz et al., (1996), kebanyakan tingkah laku anti sosial remaja berpunca daripada kegagalan cara gaya keibubapaan dan pengurusan keluarga.

Menurut Hoffman (1996), keluarga telah membentuk personaliti seseorang sejak kecil dan terus memberikan pengaruh yang amat besar kepada tingkah laku, sikap dan pemikiran seseorang dalam alam dewasa. Memandangkan persekitaran keluarga juga merupakan satu elemen yang penting dalam kehidupan seseorang individu, elemen persekitaran keluarga dijadikan sebagai faktor moderator di antara faktor persekitaran perumahan dengan tingkah laku devian remaja dalam kajian ini.

Oleh itu, kajian ini cuba memfokuskan kepada sejauhmanakah elemen persekitaran perumahan mempengaruhi penglibatan remaja dalam tingkah laku devian remaja. Seterusnya kajian ini cuba untuk melihat hubungan antara kualiti persekitaran perumahan dan tingkah laku devian remaja dengan adanya elemen persekitaran keluarga sebagai faktor moderator.

1.2 Penyataan Masalah

Menjelang era globalisasi pada abad ke-21 ini, pelbagai masalah sosial dan salah laku telah melanda negara. Ini dapat dilihat dari statistik jenayah bagi Februari 2012 yang menunjukkan jumlah jenayah kekerasan di Malaysia mencecah 4,212 kes dan jenayah harta benda mencecah 19,045 kes (PDRM, 2012). Antara contoh jenayah kekerasan adalah seperti kes rogol, samun bersenjata dan mencederakan. Manakala contoh jenayah harta benda adalah seperti mencuri dan pecah rumah.

Merujuk kepada dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (2010) ke atas 2,403 orang responden berumur antara 15 hingga 40 tahun menunjukkan sebanyak 94.0 peratus atau 2,249 responden pernah melakukan sekurang-kurangnya sekali dalam tingkah laku devian atau tingkah laku berisiko. Manakala selebihnya, sebanyak 6.0 peratus atau 154 responden mengatakan tidak pernah melakukan perkara tersebut. Tingkah laku devian atau berisiko dalam kajian ini telah dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu salah laku seksual, penyalahgunaan dadah, tiada keperaturan, tiada integriti dan jenayah. Dapatan kajian turut menunjukkan 23 peratus atau sebanyak 516 orang responden yang terlibat dalam tingkah laku devian adalah terdiri daripada remaja berumur antara 15 hingga 19 tahun.

Perlakuan jenayah membabitkan kanak-kanak dan remaja dalam jenayah berat seperti rogol dan bunuh adalah amat membimbangkan. Lebih mengejutkan lagi, ada kanak-kanak yang terjebak dalam jenayah seawal usia tujuh tahun (PDRM, 2012). Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Polis Di Raja Malaysia, Bukit Aman (2012), sepanjang empat bulan pertama tahun ini, kanak-kanak dan pelajar serta remaja tidak bersekolah berusia 7 hingga 18 tahun terbabit dalam 18 kes bunuh, 198 kes rogol, dua kes rompak kumpulan bersenjata api, 185 kes rompak kumpulan tanpa senjata, 19 kes rompakan dan 141 kes mendatangkan kecederaan. Mereka turut terbabit dalam 382 kes kecurian, 584 kes curi kenderaan termasuk 558 membabitkan motosikal, 28 kes ragut, 17 kes pecah rumah siang hari dan 232 kes pecah rumah malam hari.

Menurut Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar (2012), secara keseluruhannya mereka yang berusia 7 hingga 18 tahun terbabit dalam 1,817 kes jenayah dengan 604 daripadanya adalah murid dan pelajar sekolah sepanjang Januari hingga April tahun ini, berbanding 1,343 kes membabitkan 453 murid dan pelajar bagi tempoh sama tahun lalu.

Melihat kepada statistik ini, timbul pelbagai tanda tanya dan persoalan mengenai salah laku yang melibatkan remaja ini. Antaranya adalah apakah punca berlakunya aktiviti-aktiviti seperti ini dan siapakah yang bertanggungjawab dalam masalah ini. Pelbagai kajian telah dijalankan oleh pelbagai pihak bagi menjawab persoalan ini.

Kajian-kajian lepas mendapati bahawa faktor persekitaran sosial adalah mempengaruhi tingkah laku devian remaja. Oleh itu, timbul pula tanda tanya tentang bagaimanakah secara psikologinya keadaan atau persekitaran sosial seseorang remaja mempengaruhi tingkah laku devian remaja.

Menurut Badruzaman (2007), keluarga memainkan peranan yang sangat penting dalam mempengaruhi tingkah laku devian remaja. Dapatan kajian-kajian lepas mendapati bahawa remaja bermasalah kebanyakannya adalah berlatar belakangkan keluarga yang bermasalah (Dishion, et al., 1991; Rutter, 1985; Vuchinich, 1992).

Menurut Hoffman (1994), keluarga telah membentuk personaliti seseorang individu sejak kecil dan ianya terus memberikan pengaruh yang amat besar kepada tingkah laku, sikap dan pemikiran seseorang dalam alam dewasa. Kajian lepas mendapati bahawa persekitaran keluarga adalah merupakan medan kepada proses perkembangan emosi, kognitif dan sosial setiap ahli di dalamnya (Sham Sani Salleh, 1994). Ini menunjukkan bahawa persekitaran keluarga adalah merupakan aspek yang sangat penting dalam mempengaruhi tingkah laku seseorang.

Selain itu, dapatan kajian lepas turut menunjukkan bahawa tingkah laku devian remaja turut dipengaruhi oleh faktor persekitaran perumahan yang didiami. Ini dapat dilihat daripada kajian oleh Ahmad Hariza Hashim (2003), dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang kuat di antara kualiti persekitaran perumahan yang tidak baik dengan penyakit, tingkah laku devian dan pelbagai masalah personal mahupun komuniti. Seterusnya, menurut Corneil et al., (2006), keadaan perumahan yang tidak sempurna berkait secara positif dengan peningkatan kes penagihan dadah. Manakala menurut dapatan kajian oleh Kipke et al., (2007), persekitaran perumahan yang tidak sempurna berkait rapat dengan pendedahan terhadap risiko seksual dan HIV dalam kalangan anak muda.

Berdasarkan kepada laporan yang dikemukakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM, 2006), kebanyakan aktiviti salah laku remaja bermula atau berlaku dalam kalangan penduduk yang berpendapatan rendah dan menetap di kawasan-kawasan berisiko tinggi seperti rumah setinggan, rumah panjang dan rumah pangsa kos rendah (Zainudin, 2006). Ini berlaku disebabkan oleh masalah kemiskinan dan pengaruh persekitaran perumahan yang didiami. Ini disokong oleh Ahmad (2003), yang menyatakan bahawa peratusan salah laku remaja lebih tinggi dalam kalangan remaja yang tinggal di rumah yang tidak selesa dan tidak sempurna berbanding dengan remaja yang tinggal di rumah yang selesa dan sempurna.

Menurut Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah pada masa itu iaitu Datuk Mohd Nawawi Ismail (2005), tempat tinggal adalah merupakan antara faktor yang mendorong kepada kegiatan jenayah. Menurut beliau, kemiskinan dan persekitaran tempat tinggal yang tidak sempurna seperti di kawasan setinggan dan perumahan kos rendah merupakan antara faktor pendorong kepada berlakunya jenayah dan masalah sosial. Kehidupan yang tidak teratur akibat daripada kekurangan kemudahan dan keselesaan mengheret masyarakat terutamanya remaja untuk terlibat dengan pelbagai tingkah laku devian. Remaja adalah golongan yang paling dipengaruhi oleh persekitaran kerana remaja dilihat sebagai kumpulan umur yang paling terdedah dengan persekitaran sekeliling berbanding dengan kumpulan umur yang lain (Ellen & Turner, 1997).

Oleh itu, kajian ini cuba untuk mengembangkan kajian-kajian lepas dengan mengenalpasti hubungan antara persekitaran perumahan dengan tingkah laku devian remaja di Perumahan Pangsa Kos Rendah di Ampang Jaya. Ini adalah merupakan satu kajian kes di perumahan ini berikutan dari keadaan persekitaran perumahan tersebut yang tidak memberangsangkan dan kadar jenayah dan masalah sosial yang tinggi di kawasan tersebut. Selain itu, melihat kepada kepentingan persekitaran keluarga dalam mempengaruhi tingkah laku remaja, elemen persekitaran keluarga telah diuji sebagai moderator kepada hubungan antara persekitaran perumahan dan tingkah laku devian remaja.

Ini akan menjawab persoalan, adakah persekitaran keluarga yang baik mampu mengurangkan penglibatan remaja dalam tingkah laku devian walaupun kualiti persekitaran perumahan yang didiami adalah lemah, serta sebaliknya. Ini kerana, kajian-kajian terdahulu di Malaysia mahupun di barat telah menunjukkan bahawa persekitaran keluarga yang baik telah dikaitkan dengan kesejahteraan hidup remaja dari aspek konsep sendiri, tingkah laku dan pencapaian akademik (Fatanah, 1997).

1.3 Persoalan Kajian

Masalah kajian yang telah dibincangkan sebelum ini telah memberikan gambaran umum tentang tingkah laku devian remaja. Namun, secara khususnya terdapat beberapa persoalan yang perlu dijawab oleh pengkaji melalui kajian ini iaitu:

- 1) Apakah tahap kualiti persekitaran perumahan responden?
- 2) Apakah tahap penglibatan remaja dalam tingkah laku devian?
- 3) Adakah terdapat hubungan antara kualiti persekitaran perumahan dengan tingkah laku devian remaja?
- 4) Apakah hubungan antara persekitaran perumahan dan tingkah laku devian remaja apabila elemen persekitaran keluarga bertindak sebagai faktor moderator?

1.4 Objektif Kajian

Objektif Am:

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti hubungan antara kualiti persekitaran perumahan dengan tingkah laku devian remaja.

Objektif Khusus:

1. Menenalpasti tahap kualiti persekitaran perumahan responden.
2. Menenalpasti tahap penglibatan remaja dalam tingkah laku devian.
3. Menenalpasti hubungan antara kualiti persekitaran perumahan dengan tingkah laku devian remaja.
4. Menenalpasti hubungan antara tahap kualiti persekitaran perumahan remaja dengan tahap penglibatan remaja dalam tingkah laku devian dengan menggunakan faktor persekitaran keluarga sebagai moderator.

1.5 Hipotesis

- Ho1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kualiti persekitaran perumahan remaja dengan tahap penglibatan remaja dalam tingkah laku devian.
- Ho2: Kualiti persekitaran keluarga tidak akan mengubah hubungan di antara tahap kualiti persekitaran perumahan remaja dengan tahap penglibatan remaja dalam tingkah laku devian.

1.6 Kepentingan Kajian

Fenomena salah laku dalam kalangan remaja dianggap sebagai satu gejala yang semakin meruncing sejak kebelakangan ini. Ianya turut menjadi masalah kepada masyarakat sekeliling kerana mengganggu gugat kehidupan seharian dan mengancam keselamatan masyarakat. Peningkatan salah laku remaja kini perlu ditangani dengan sebaik mungkin kerana ianya akan memberi kesan yang negatif kepada generasi akan datang.

Kajian ini memfokuskan kepada aspek persekitaran perumahan dan persekitaran keluarga sebagai faktor yang mendorong kepada tingkah laku devian remaja. Kajian ini adalah penting dan perlu dijalankan bagi mengembangkan lagi kajian-kajian lepas berhubung perumahan, keluarga dan tingkah laku devian remaja dan seterusnya dapat menerangkan tentang bagaimana persekitaran perumahan dan persekitaran keluarga mendorong kepada tingkah laku devian dalam kalangan remaja. Maka, tindakan yang sewajarnya dapat diambil bagi menangani masalah tingkah laku devian dalam kalangan remaja. Oleh itu, kajian ini penting bagi membantu menangani masalah tingkah laku devian remaja terutamanya dari aspek perumahan dan aspek keluarga.


1.7 Kerangka Teori

Dalam kajian ini, Teori Kekecewaan Agresif digunakan bagi menerangkan tentang hubungan antara persekitaran perumahan dan persekitaran keluarga dengan tingkah laku devian remaja. Teori ini dipelopori oleh Sigmund Freud (1950), yang menyatakan bahawa tingkah laku devian atau tingkah laku agresif adalah salah satu tindak balas semula jadi terhadap kekecewaan yang dialami oleh manusia.

Berdasarkan kepada teori psikoanalisis yang turut dipelopori oleh Sigmund Freud (1950), beliau menyatakan bahawa setiap manusia secara semula jadinya menginginkan keseronokan dan cuba mengelak dari sebarang kesakitan. Apabila keinginan itu tidak dapat diperolehi oleh manusia, manusia akan terdorong untuk bertindak agresif atau devian.

Berdasarkan teori ini, Kenneth dan Moyer (1961) telah mengemukakan hipotesis kekecewaan agresif yang menyatakan bahawa tingkah laku agresif atau devian adalah disebabkan oleh kekecewaan. Setiap individu mempunyai kecenderungan secara semula jadi atas faktor biologi menjadi agresif bila kecewa.

Teori ini lebih menekankan kepada pengaruh persekitaran sosial yang mendorong kepada kekecewaan dan seterusnya mendorong kepada tingkah laku devian dan agresif. Teori ini menolak pendekatan yang menyatakan bahawa tingkah laku devian atau tingkah laku langsung adalah bersifat semulajadi dalam diri manusia. Sebaliknya, teori ini lebih menekankan tingkah laku devian adalah dipelajari atau berdasarkan pengalaman yang diperolehi daripada persekitaran sosial seseorang.



Rajah 1.1: Teori Kekecewaan Agresif

Rajah 1.1 menunjukkan Model Teori Kekecewaan Agresif yang menggambarkan tentang bagaimana suatu tingkah laku devian boleh terjadi akibat dari rangsangan

persekitaran. Dengan mengaplikasikan teori ini ke dalam kajian, setiap remaja dianggarkan mempunyai kehendak dan harapan yang tinggi terhadap persekitaran mereka. Apabila kehendak tersebut tidak dapat dipenuhi, ini akan membangkitkan perasaan kecewa dalam diri seseorang remaja. Kekecewaan yang dialami seterusnya akan mendorong kepada tingkah laku devian.

Persekitaran yang dikaji dalam kajian ini adalah persekitaran perumahan dan persekitaran keluarga remaja. Kedua-dua persekitaran ini adalah merupakan persekitaran mikro di mana ia merupakan persekitaran yang paling hampir dengan seseorang remaja. Rumah adalah merupakan komponen yang penting dalam kehidupan seharian individu. Ianya dianggap sebagai asas atau titik permulaan bagi semua aktiviti sosial manusia dalam kehidupan seharian (Semir Nisic, 2008). Dengan berpandukan teori ini, remaja mempunyai harapan yang besar terhadap aspek persekitaran perumahan seperti keadaan fizikal rumah yang selesa, kemudahan yang mencukupi, perumahan yang selamat dan juga kejiranan yang baik.


Selain itu, persekitaran keluarga juga merupakan persekitaran yang paling hampir dengan remaja. Menurut Azizi dan Badruzaman (2003), keluarga bertanggungjawab dalam perkembangan seseorang remaja bagi aspek pembentukan nilai, sikap dan kepercayaan mereka. Remaja semestinya mengharapkan sebuah keluarga yang bahagia, penuh dengan kasih-sayang, keluarga yang berlandaskan agama dan cara gaya asuhan yang terbaik dari kedua ibu bapa mereka. Namun, kegagalan dalam memenuhi harapan ini akan membangkitkan perasaan kecewa dalam diri remaja. Sebagai tindak balas kepada kekecewaan ini, mereka dikhuatiri akan bertingkah laku devian atau bertindak agresif.

Selain dari persekitaran perumahan dan persekitaran keluarga, terdapat pelbagai faktor lain yang turut mempengaruhi tingkah laku devian remaja. Antaranya adalah seperti rakan sebaya, media dan sebagainya. Namun dalam kajian yang dijalankan ini, pengkaji hanya memfokuskan kepada aspek perumahan dan aspek keluarga sahaja.

Kesimpulannya, teori ini menekankan faktor luaran yang menyebabkan manusia bertingkah laku langsung atau devian. Maka, tingkah laku devian boleh diubah dengan mengubah sumber atau rangsangan dari persekitaran manusia.

1.8 Kerangka Konseptual

Rajah 1.2: Kerangka Konseptual



Rajah 1.2 menunjukkan kerangka kerja konseptual bagi kajian ini. Angkubah bebas bagi kajian ini adalah kualiti persekitaran perumahan yang terdiri daripada aspek struktur fizikal rumah, aspek kemudahan, aspek kejiranan dan aspek keselamatan. Manakala angkubah bersandar adalah tahap penglibatan remaja dalam tingkah laku devian yang terbahagi kepada empat kategori iaitu tingkah laku fizikal, verbal, tingkah laku seksual dan tingkah laku anti sosial.

Perkaitan antara kedua-dua angkubah ini akan diuji bagi menentukan hubungan antara faktor kualiti persekitaran perumahan remaja dengan tahap penglibatan remaja dalam tingkah laku devian. Elemen persekitaran keluarga dalam kajian ini adalah merupakan angkubah moderator di antara angkubah bebas dan angkubah bersandar. Tujuan angkubah moderator ini digunakan adalah bagi melihat hubungan antara angkubah bebas dan angkubah bersandar, dengan adanya angkubah moderator.

Secara umumnya, dapatan kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa kualiti persekitaran perumahan yang lemah akan mendorong kepada pelbagai masalah sosial terutamanya golongan remaja (Boardman et al, 2001; Terrence & Ronald, 2005; Boardman, 2004). Menurut Morris dan Winter (1975), terdapat tiga dimensi utama persekitaran perumahan iaitu kualiti struktur fizikal rumah, perkhidmatan yang disediakan oleh rumah dan penjagaan atau penyeleggaraan persekitaran perumahan. Elemen perkhidmatan perumahan adalah meliputi aspek kemudahan dan kejiranan. Manakala elemen penjagaan dan penyelenggaraan rumah adalah meliputi aspek penjagaan dan keselamatan kawasan persekitaran rumah.

Menurut Hill dan Angel (2005), tinggal di persekitaran perumahan yang lemah seperti persekitaran yang merbahaya, kotor dan bangunan rumah yang tidak sempurna boleh mengakibatkan tekanan. Selain itu, kajian menunjukkan bahawa pendedahan kepada persekitaran perumahan yang tidak menarik dan berkualiti rendah mendorong kepada tekanan perasaan dalam kalangan penghuni (Aneshensel & Sucoff, 1996; Ross, 2000; Latkin & Curry, 2003). Tekanan ini kemudiannya akan menyebabkan timbulnya pelbagai masalah sosial seperti pengambilan alkohol, pengambilan dadah dan sebagainya (Mirowsky dan Ross, 2003). Ini menunjukkan bahawa elemen perumahan adalah sangat penting dalam mempengaruhi tingkah laku seseorang individu.

Selain dari aspek perumahan, aspek persekitaran keluarga juga penting dalam pembentukan personaliti dan tingkah laku individu. Menurut Azizi dan Badruzaman (2003), persekitaran keluarga memainkan peranan yang penting dalam proses pengsosialisasian remaja. Sebagai contoh, persekitaran keluarga bertanggungjawab dalam menerapkan nilai, sikap dan kepercayaan dalam minda seseorang remaja. Selain itu, persekitaran keluarga juga merupakan medan kepada proses perkembangan emosi, kognitif dan sosial setiap ahli di dalamnya.

Oleh itu, kajian ini akan menggunakan elemen persekitaran keluarga sebagai faktor moderator kepada hubungan antara persekitaran perumahan dan tingkah laku devian remaja. Ini kerana, keluarga adalah merupakan persekitaran yang paling hampir dengan seseorang individu. Tujuan persekitaran keluarga digunakan adalah untuk mengkaji sama ada adakah kualiti persekitaran perumahan yang rendah akan meningkatkan penglibatan remaja dalam tingkah laku devian walaupun kualiti persekitaran keluarga mereka adalah baik atau sebaliknya.

1.9 Definisi Istilah

Persekitaran Perumahan

Konseptual:

Persekitaran perumahan merangkumi semua aspek struktur fizikal rumah dan aspek persekitarannya seperti kemudahan, perkhidmatan, hubungan sosial dalam komuniti, politik dan ekonomi (Ahmad Hariza & Bukryman, 2002). Jabatan Perangkaan Malaysia (2010) mendefinisikan perumahan sebagai sebuah tempat tinggal yang berasingan serta bebas, yang bertujuan untuk dijadikan sebagai tempat tinggal oleh sesebuah isi rumah.

Operasional:

Perumahan merupakan tempat tinggal setiap individu yang membolehkan mereka berlindung, berehat dan melakukan aktiviti harian. Persekitaran perumahan dalam konteks kajian ini merujuk kepada aspek-aspek persekitaran yang dilingkungi oleh setiap penghuni di sesebuah perumahan iaitu aspek keadaan fizikal rumah, kemudahan, keselamatan dan hubungan kejiranan.

Kualiti Perumahan

Konseptual:

Menurut Morris dan Winter (1975), terdapat tiga elemen utama kualiti perumahan, iaitu kualiti struktur rumah, perkhidmatan yang disediakan oleh rumah dan penjagaan, ataupun penyelenggaraan persekitaran perumahan. Struktur rumah merangkumi aspek reka bentuk dan ciri-ciri fizikal sesebuah rumah. Elemen perkhidmatan pula melibatkan komponen seperti kejiranan dan kemudahan. Seterusnya penjagaan dan penyelenggaraan rumah pula melibatkan aspek reka bentuk persekitaran kawasan perumahan yang sentiasa terjaga dan selamat.

Operasional:

Kualiti perumahan dalam konteks kajian ini adalah merujuk kepada persepsi responden terhadap kualiti perumahan mereka yang merangkumi aspek keadaan fizikal rumah, perkhidmatan atau kemudahan yang disediakan, keselamatan dan hubungan kejiranan. Kualiti persekitaran perumahan ini adalah bergantung sepenuhnya kepada perasaan dan pandangan responden terhadap rumah yang didiami sama ada mempunyai kualiti yang sangat lemah, lemah, sederhana, baik atau sangat baik.

Persekitaran Keluarga

Konseptual:

Menurut Rahil & Habibah (2002), persekitaran atau “*nurture*” ialah segala rangsangan yang mempengaruhi perkembangan individu. Manakala keluarga adalah sekelompok manusia yang tinggal dalam suatu rumah tangga dalam kedekatan yang konsisten dan hubungan yang erat (Helvie, 1981). Persekitaran keluarga pula merujuk kepada stail keibubapaan, sosio ekonomi keluarga dan adik beradik (Sukardi Kaderi & Ismadi Razali, 2008)

Operasional:

Persekitaran keluarga dalam konteks kajian ini adalah merujuk kepada kasih sayang yang ditunjukkan oleh ibu bapa kepada remaja, kepatuhan agama dalam kalangan ibu bapa remaja dan gaya asuhan ibu bapa.

Remaja

Konseptual:

Zakiah Darajad (1990), mendefinisikan remaja sebagai masa peralihan yang ditempuh oleh setiap dari zaman kanak-kanak menuju ke alam dewasa meliputi semua perkembangan yang dialami sebagai persiapan memasuki masa dewasa. Batasan usia remaja menurut Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) adalah 12 hingga 24 tahun. Namun jika pada usia remaja seseorang sudah berkahwin, maka ia tergolong dalam golongan dewasa atau bukan lagi remaja. Sebaliknya, jika usia sudah bukan lagi remaja tetapi masih bergantung pada orang tua (tidak mandiri), maka dimasukkan dalam kelompok remaja.

Operasional:

Remaja ialah individu lelaki dan perempuan yang berusia antara 12 hingga 18 tahun yang merupakan penghuni perumahan tersebut. Mereka juga masih di bawah jagaan keluarga.

Tingkah Laku Devian

Konseptual:

Tingkah laku devian didefinisikan sebagai tingkah laku atau perbuatan yang melanggar norma masyarakat setempat (Azizi & Rosnah, 2007). Menurut Robert Merton (1976), devian didefinisikan sebagai kelakuan yang menyimpang secara signifikan daripada norma-norma yang ditentukan untuk individu dalam status sosial, ia tidak dapat dipelihara secara abstrak tetapi perlu dikaitkan dengan norma-norma yang dianggap oleh masyarakat sebagai munasabah.

Operasional:

Dalam konteks kajian ini, tingkah laku devian difokuskan kepada salah laku sosial yang terbahagi kepada tingkah laku fizikal, verbal, seksual dan tingkah laku anti sosial. Tingkah laku devian dalam konteks kajian ini diukur dengan menggunakan “*Delinquency Scale*” oleh Junger (1997) yang dipetik dari kajian oleh Badruzaman Baharom (2006).

1.10 Skop dan Limitasi Kajian

Fokus utama kajian ini adalah mengenai bagaimana tingkah laku devian remaja dipengaruhi oleh aspek persekitaran perumahan mereka. Selain itu, faktor persekitaran keluarga turut diketengahkan sebagai moderator terhadap hubungan antara persekitaran perumahan dan tingkah laku devian remaja. Kajian ini hanya mengambil kira persepsi responden terhadap tahap kualiti persekitaran perumahan mereka, tahap persekitaran keluarga dan penglibatan mereka dalam tingkah laku devian. Maklumat yang diperolehi bergantung sepenuhnya kepada kejujuran responden dalam menjawab soalan yang disediakan.

Pengkaji telah menetapkan jumlah responden bagi kajian ini sebanyak 200 orang. Nilai ini telah diperolehi dengan berpandukan kepada formula oleh Krejcie & Morgan (1970). Bagi mengelakkan berlakunya masalah untuk mendapat maklum balas dari responden, pengkaji telah mengagihkan 210 borang soal selidik kepada responden. Namun hanya 185 borang soal selidik sahaja yang lengkap dijawab dan dianalisis.

Kajian ini adalah merupakan satu kajian kes di Perumahan Pangsa Pandan Jaya, Ampang Jaya sahaja tanpa melibatkan daerah-daerah lain. Perumahan ini dipilih berdasarkan kepada keadaan persekitaran perumahan yang tidak memberangsangkan dan juga peningkatan kes jenayah dan salah laku di kawasan tersebut. Gambar-gambar yang menunjukkan keadaan persekitaran perumahan tersebut telah dilampirkan di bahagian lampiran laporan kajian. Malah, faktor kekangan kos dan masa juga menyebabkan kajian tidak dapat dijalankan secara lebih meluas dan menyeluruh.

Kajian ini memfokuskan kepada isu utama kajian iaitu hubungan antara persekitaran perumahan dan persekitaran keluarga dengan tingkah laku devian remaja, dan seterusnya bagaimana dari aspek psikologinya, persekitaran sosial seperti persekitaran perumahan dan persekitaran keluarga mempengaruhi tingkah laku devian remaja. Aspek persekitaran ini dipilih kerana menurut Teori Ekologi Manusia (Urie Bronfenbrenner, 1979), ianya merupakan persekitaran yang paling hampir dan sangat penting kepada setiap individu terutamanya remaja.

Kajian ini menggunakan Teori Kekecewaan Agresif (Sigmund Freud, 1950), bagi menerangkan tentang bagaimana tingkah laku devian remaja dipengaruhi oleh persekitaran perumahan dan persekitaran keluarga remaja. Teori ini dipilih kerana pengkaji merasakan ia adalah teori yang terbaik bagi menerangkan tentang bagaimana tingkah laku devian remaja secara psikologinya dipengaruhi oleh faktor persekitaran. Selain itu, hasil temubual secara tidak formal bersama responden mendapati kekecewaan adalah punca utama mereka bertingkah laku devian bagi memuaskan diri mereka.

1.11 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini telah membincangkan tentang kajian yang telah dijalankan ini di mana ianya meliputi latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, hipotesis, kepentingan kajian, definisi istilah dan skop dan limitasi kajian. Seterusnya, penerangan yang lebih lanjut tentang tinjauan kajian lepas bagi menyokong kajian ini akan diterangkan pada bab 2 kajian.

RUJUKAN

- Abdullah Al-Hadi Mohamed. (1993). *Faktor-faktor Keluarga dan Tingkah Laku Penyalahgunaan Dadah: Satu Kajian Perbandingan Antara Penyalahgunaan Dadah dan Bukan Penyalahgunaan Dadah*. Journal of Science and Humanities, Vol 1, 41-45.
- Ahmad Hariza Hashim. (2003). Residential Satisfaction and Social Integration in Public Low Cost Housing in Malaysia. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* 11(1): 1-10.
- Ahmad Hariza Hashim dan Bukryman Sabri. (2002). *Perumahan dan Penempatan Manusia*. Selangor: Pro-Office Shoppe Sdn. Bhd.
- Ahmad Mahdzan, A. (1992). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Nadzri Jai. (2000). *Pengaruh Kediaman Dalam Kehidupan Manusia*. Malaysian Journal of Social Administration 2002,1: 61-78.
- Ajibola, K., & Olobudin, O.F. (1990). Appraisal Of Low Cost Housing Design. Case Of A Federal Government Housing Typology. *Housing Sciences*. 2: 91-105.
- Akinson, K. (2004); Family Influences on peer Relationships Divorce and Teens: A Disruptive Tale: [http://inside.Bard.edu/academic/specialproj/clarliog/bullying/group5 divorce.htm?](http://inside.Bard.edu/academic/specialproj/clarliog/bullying/group5%20divorce.htm)
- Aneshensel, S., & Sucoff, A.C. (1996). *The Neighborhood Context of Adolescent Mental Health*. Journal of Adolescence Health, 34: 293-310.
- Arief Salleh Rosmah dan Wardah Mokhtar (2006). *Membentuk Jati Diri Remaja*. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Asmak Haji Ali. (2006). *Salah Laku Remaja Masa Kini: Cabaran dan Penyelesaiannya*. UITM Shah Alam. Pusat Pemikiran dan Pemahaman Islam.
- Azizi Yahaya dan Badruzaman Baharom. (2003). *Persekitaran Keluarga dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya dan Rohaya Ahmad. (2009). *Faktor-Faktor Penyebab Masalah Disiplin di Sekolah*. Universiti Teknologi Malaysia.

- Azizi Yahaya dan Rosnah Buang. (2007). *Punca Berlakunya Masalah Gejala Gengsterisme di Kalangan Remaja di Beberapa Buah Sekolah Menengah di Empat Buah Negeri*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya, Fauziah Yahaya, Zurihanmi Zakariya dan Noordin Yahaya (2005). *Pembangunan Kendiri*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya et al. (2005). *Psikologi Sosial Alam Remaja*. Pahang: PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Badruzaman Baharom. (2006). *Persekitaran Keluarga dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja di Daerah Pontian*. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Bandura, A. (1997). *Self Efficacy: Toward a Unifying Theory of Behavioural Change*. *Psychological Review*: 84, 191-215.
- Baron, R.M., & Kenny, D.A. (1986). The Moderator-Mediator Variable Distinction In Social Psychological Research: Conceptual, Strategic, and Statistical Considerations. *Journal of Personality and Social Psychology*, 51, 4-17.
- Baumrind, D. (1991). The influence of parenting style on adolescent competence and substance use. *Journal Of Early Adolescence*, 11(1), 56-95.
- Benda, B. B. (1995). The Effect of Religion on Adolescent Delinquency Revisited. *Journal of Research in Crime and Delinquency*, 32, 446-466.
- Bettelheim, B. (1950). *Love Is Not Enough*. New York, The Free Press
- Brooks-Gunn, J. et al. (1993). Do Neighborhoods Influence Child and Adolescent Development? *American Journal of Sociology* 99, 353-395.
- Boardman, J.D. et al. (2001). Neighborhood Disadvantage, Stress and Drug Use Among Adults. *Journal Of Health and Social Behaviour* Vol. 42(2): 151-165.
- Boardman, J.D. et al. (2004). Stress and Physical Health: The Role Of Neighborhood As Mediating and Moderating Mechanism. *Social Sciences and Medicine* 58(2004): 2473-2483.
- Boroffice, O. B. (2004) Recreation and Health Behaviour of Adolescents. In Contemporary Issues and Researches on Adolescents (Edited by I. A. Nwanuoke, O. Bampgbose & O. A. Moronkola). Ibadan (Omoade Printing Press) pp 110 ± 126.
- Clatts, M.C. et al., (2005). Homelessness and drug abuse among young men who have sex with men in New York City: A preliminary epidemiological trajectory. *Journal of Adolescence*, 28:201 ±214.

- Corneil et al. (2006). *Unstable Housing, Associated Risk Behaviour and Increased Risk For HIV Infection Among Injection Drug Users*. *Health and Place*, 12(1)(2006); 79-85.
- Dariyo. (2004). *Psikologi Perkembangan Remaja*. Jakarta, Indonesia.
- Dolling, J. (1990). Housing Finance In Finland. *Urban Studies*, 27(6): 951-969.
- Donnison, D. and Ungerson, C. (1982) *Housing Policy*. Penguin: Harmondsworth.
- Dryfoos, J. (1990). *Adolescents at Risk: Prevalence and Prevention*. New York: Oxford University Press.
- Ellen, I.G., & Turner, M.A. (1997). Does *Neighborhood Matter? Assessing Recent Evidence*. *Housing Policy Debate* 8, 833-866.
- Erikson, E. (1956). Identity and The Life Cycle. *Psychological Issues*. 1.18-164.
- Esperanza Vera Toscano. (2008). The Relevance of Social Interaction on Housing Satisfaction. *Social Indicator Research*, 77: 211-243.
- Ezhar Tamam, Jusang Bolong & Mohamad Rezal Hamzah. (2007). *Masalah Sosial dan Kesedaran Sivik Generasi Muda Daripada Keluarga Berpendapatan Rendah Di Bandar*. Laporan Untuk Institut Penyelidikan Pembangunan Belia. Universiti Putra Malaysia.
- Fang, J. et al. (1998). Residential Segregation and Mortality In New York City. *Social Sciences and Medicine*, 47(4): 469-476.
-) D V K E L U 1 R R U 6 K o n s e p Asas Tentang Rumah dan Keselamatan ' G D O D P
Mohd Razali Agus dan Fashbir Noor Sidin (ed). *Pembangunan dan Dinamika Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn. Bhd. 108-138.
- Fatanah Mohamed. (1997). *Kajian Terhadap Masalah Peribadi Pelajar-Pelajar Sekolah Berasrama Penuh dan Tidak Berasrama Penuh Di Pengkalan Chepa*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis Sarjana.
- Fook, K.J. (2004). *Defining Peer Pressure*. Online. <http://www.kidshealth.org>
Accessed 2011 August 26.
- Gay, L. R. dan Airasian, P. (2003). *Educational research: Competencies for analysis and applications*. Ed. ke-3. New Jersey: Merrill Prentice-Hall.
- Gifford-Smith M, Dodge KA, Dishion TJ, McCord J. (2005). Peer influence in children and adolescents: Crossing the bridge from developmental to intervention science. *Journal of Abnormal Child Psychology*. 33:255 ±265.

- Gorman et al., (2001). Alcohol Outlet Density And Violence: A Geospatial Analysis. *Alcohol & Alcoholism*, 39: 369-375.
- Hall, Calvin S., dan Gadner Lindzey. (1993). Teori-teori Sifat dan Behavioristik. Yogyakarta: Kanisius.
- Hall, G.S. (1904). Adolescence. (2 vols). New York: Apptetor.
- Hanina Halimatusaadia Hamsan & Mastura Mohamad. (2010). Belia Berisiko: Profil, Faktor Penyebab dan Intervensi. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Kuala Lumpur.
- Helvie, C.O. (1981). *Community Health Nursing Theory and Process*. Philadelphia: Helper & Row.
- Hill, T. D. & Angel, R. J. (2005). Neighborhood Disorder, Psychophysiological Distress, And Health. *Journal of Health & Social Behavior*, 46:170 ±186.
- Hoffman, L. (1996). *Progress and Problems In The Study Of Adolescence*. Developmental Psychology, 32, 777-780.
- Hurlock, E. B. (2004). Adolescent Development, Fourth Edition. Tokyo: Mc Graw-Hill.
- Husna, S. dan Nurizan, Y. (1987). *Housing Provision and Satisfaction Of Low Income Households In Kuala Lumpur*. Habitat International 11(4): 27-38.
- Hyssong, A. (2000). Perceived Peer Context and Adolescent Adjustment. *Journal of Research on Adolescent*, 10: 291.
- Idris Harun. (2000). *Fenomena Budaya Lepak Di Kalangan Remaja Di Bandaraya Johor Bahru: Satu Tinjauan*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Jacobvitz, D.B., & Bush, N.F. (1996). *Reconstructions Of Family Relationship: Parent-Child Alliances, Personal Distress, and Self-Esteem*. Developmental Psychology, 32(4), 732-743.
- Jamsiah. M., & Hazlinda. H. (2009). Factors affecting social misconduct amongst adolescents in Melaka Tengah district. *Jurnal Kesihatan Masyarakat*, 15 (1). pp. 21-31. ISSN 1675-1663
- Jas Laile Suzana Jaafar. (2000). *Psikologi Perkembangan: Psikologi Kanak-Kanak dan Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jas Laile Suzana Jaafar. (2002). *Psikologi Remaja*. Selangor: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd.

Kamus Dewan. (2003). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kenneth, R., & Moyer, P. (1961). *Female Delinquency and Related Problem*. Soc. Forces, 43, 82-89.

Kipke et al. (2007). *Residential Status As A Risk Factor For Drug Use and HIV Risk Among Young Men Who Have Sex With Men*. AIDS and Behavior, 11 (2007): 556-569.

Krejcie, R.V. dan Morgan, D.W. (1970). *Determining Sample Size For Research*. Educational and Psychological Measurement, 30, 607-610.

Laporan Banci Penduduk dan Perumahan, (2010). Jabatan Perangkaan Malaysia.

Latkin, C.A. and Curry, A. (2003). Stressful neighborhoods and depression: A prospective study of the impact of neighborhood disorder. *Journal of Health and Social Behavior*, 44(1):34-44.

Lawrence, R.J. (1995). Housing Quality. An Agenda For Research, *Urban Studies*, 32 (11): 1155-1664.

Leventhal, T., & Brooks-Gunn, J. (2000). The Neighborhoods They Live In: The Effects Of Neighborhood Residence On Child and Adolescent Outcomes. *Psychological Bulletin*, 126(2), 309-337.

Lindley, P., & Walker, S.N. (1993). Theoretical and Methodological Differentiation of Moderation and Mediation. *Nursing Research*, 42, 276-279.

OD ¶ URI 5 H G] X D ¶ Psikologi Sosial. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Mahmood Nazar Mohamed. (1993). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Mahmood Nazar Mohamed. (2001). *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mannes, M., Roehlkepartain, E.C & Benson, P.L. (2005). *Unleashing The Power of Community To Strengthen The Well-Being of Children, Yputh and Families: An Asset-Building Approach*. Child Welfare League of America. 84(2). 33-250.

Mappiare, Andi. (1982). Psikologi Remaja, Surabaya: Usaha Nasional.

OD X UD 2 ¶ . H H I H 3 U H G L F W R U V R I & K L O G V \$ E X V H
Interpersonal Violence. 10(1). 3-21.

- Mc Caghy, C.H. (1985). *Deviant Behaviour: Crime, Conflict and Interesting Group*. New York: Mav Publishing Co.
- Melati Sumari & Mariani Md Nor. (1998). Tekanan di Kalangan Remaja: Punca dan Akibat. Universiti Malaya.
- Merton, R. (1938). *Social Structure and Anomie*. American Sociological Review (October 1938), 3: 672-682.
- Mirowsky, J., & Ross, C. (2003). *Social Causes Of Psychological Distress*. Hawthorne: Aldine de Gruyter.
- Moffit, T.E. (1993). *Adolescence Limited and Life Course Persistent Antisocial Behaviour: A Developmental Taxonomy*. Psychological Review, 100(4), 674-701.
- Mohd Razali Agus. (2001). *Perumahan Awam Di Malaysia, Dasar dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Yusof Hussain et al. (2011). *Hubungan Kejiranan Dalam Membentuk . H V H M D K W H U D D Q + L G X S 0 D V \ D U D N D W μ . D P S X Q J % Berjaya dan Kampung Mempelam, Alor Setar, Malaysia*. Malaysia Journal Of Society and Space 7 issue 3: 36-44.
- Monks F.J, Knoers A.M.P., Haditono S.R. (2002). Psikologi Perkembangan Pengantar dalam Berbagai Bagiannya, Edisi Keempat Belas. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Morris, E.W., & Winter, M. (1975). A Theory Of Family Adjustment. *Journal Of Marriage and The Family*. 37: 79-88.
- Murie, A. (1983). Residualization and Council Housing: Aspects of The Changing Social Relations of Housing Tenure. *Journal of Social Policy*, 12: 453-468.
- Neinstein, L. S. (1996). *Adolescent health care: A practical guide*. Baltimore: Williams & Wilkins.
- Neufeld, G., and Mate, G., (2004) Hold on to your kids: why parents matter more than peers. Toronto: Vintage Canada.
- Nik Hairi Omar, Azmi Abdul Manaf & Ahmad Shazili Ayob (2012). Pengujian Model Gaya Keibubapaan Baumrind Ke Atas Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 1: 105-120.
- Nurizan, Y. (1998). *Kemiskinan dan Perumahan Di Bandar: Peranan Pemerintah dan Penyelesaiaanya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Nurizan, Y., Juliana & Nurfaizura. (2008). *Kajian Perbandingan Kepuasan Perumahan di Rumah Pangsa Awam Kuala Lumpur*. Universiti Putra Malaysia.
- Nurizan, Y., & Halimah, A. (1993). Kepuasan dan Defisit Perumahan Kos Rendah Semenanjung Malaysia. *Manusia dan Masyarakat*, 7: 3-20.
- Odebunmi, A. (2007). Parenting: A Cross-Cultural and Psychological Perspective. Abuja, (Afabunmi Nigeria Limited).
- Oetting, E. R., & Beauvais, F. (1987). Peer cluster theory, socialization characteristics, and adolescent drug use: A path analysis. *Journal of Counseling Psychology*, 34(2), 205-213.
- Okorodudu, G.N. (2006). Efficacy of Recreational Exercises and Rational Emotive Behavioral Therapies for Adolescent Stress Management. *Perspective in Education, International Research and Development*, 22; 172-185.
- Okorodudu, G.N. (2010). Influence Of Parenting Styles On Adolescent Delinquency In Delta Central Senatorial District. Nigeria.
- Onyechi, C.& Okere,Y. (2007) Juvenile Delinquency: Trend, Causes and Control Measures, The Behaviour Problem of the Nigerian Child: A Publication of The Nigerian Society for Educational Psychologists (NISEP), 12 ± 19
- Othman Md Johan & Norazmah Mohamad Roslan. (2010). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis tidak diterbitkan.
- Paulson, S.E. (1994). Relations of parenting style and parental involvement with juvenile delinquency. *Journal of Early Adolescence*, 14, 250-267.
- Peck, C., & Stewart, K.K. (1985). Satisfaction With Housing and Quality Of Life. *Home Economic Research Journal*, 13 (4): 363-372.
- Pepler, D.J., & Craig, W.M. (1988). *Making Difference In Bullying*. Toronto: LaMarsh Center For Research On Violence and Conflict Resolution, York University.
- Rahil Mahyuddin dan Habibah Elias (2002). Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Regoli, R.M. dan Hewitt, J.D. (1991). *Delinquency in Society*. 4th Edition. New York: McGraw Hill.

- Richard, A.S., & Tanetta, E.A. (2002). Moving and Still: Neighborhood, Human Development, and The Life Course. *Advances In Life Course Research*, 7: 197-227.
- Rimm, S. (2001). *Peer Influence*. Dari Wan Su Hj Haron. (2008). Hubungan Personaliti, Kemahiran Sosial, Kebimbangan dan Rakan Sebaya Dengan Tingkah Laku Devian di Kalangan Pelajar Universiti. Univesiti Malaysia Perlis.
- Rogers, D. (1981). *Adolescence and Youth*. United State: Prentice Hall.
- Ross, C. (2000). Neighborhood Disadvantage and Adult Depression. *Journal Of Health and Social Behaviour*, 41, 177-187.
- Ross, C.E., & Mirowsky, J. (2001). Neighborhood Disadvantage, Disorder and Health. *Journal Of Health and Social Behaviour*, 42: 258-276.
- Salmi, V. (2006). *The Association Between Social Capital and Juvenile Crime: The Role Of Individual and Structural Factors*. *European Journal Of Criminology* 3(2), 123-148.
- Sampson, R., & Raudenbush, S. (1999). Systematic Social Observation Of Public Spaces: A New Look At Disorder In Urban Neighborhoods. *The American Journal Of Sociology*, 105, 603-651.
- Selye, H. (1956). *The stress of life*. New York, NY: McGraw-Hill
- Semir Nisic. (2008). *Housing Our Youth: A Comparative Study On Housing Policies In Norway and UK, With A Particular Focus On Youth Homelessness*. Olso University College. Thesis Submitted For Master Degree.
- Sheau Tsuey Chong. (2006). *It Takes A Village To Raise A Child: Building Social Capital In Safe and Cohesive Neighborhood*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Smith, P.K., & Thompson, D. (1991). *Practical Approaches To Bullying*. London: David Fulton.
- Sokol-Katz, J., Dunham, R.J., & Zimmermen, R. (1997). *Family Structure Versus Parental Attachment In Controlling Adolescent Deviant Behaviour: A Social Control Model*. *Adolescence*, 32 (125), 199-215.
- Stanford University News Service (415) 723-2558: *Parenting Styles May Influence* www.igage.com/news-service.stanfoerd.edu. Retrieved 2012 April 25.

Sukardi Kaderi & Md Ismadi Razali. (2008). Faktor-Faktor Persekitaran Yang Mempengaruhi Penglibatan Murid-Murid Berumur 9 Hingga 11 Tahun Dalam Sukan Bola Sepak Di Sekolah Rimba 1. Brunei.

Suzilynda, S. (2008). *Persepsi Terhadap Kualiti dan Kepuasan Perumahan Dalam Kalangan Pemilik Rumah Kos Rendah Di Kota Kinabalu Sabah, Malaysia*. Universiti Putra Malaysia. Tesis Ijazah Sarjana tidak diterbitkan.

Terrence, D.H., & Ronald, J.D. (2005). Neighborhood Disorder, Psychological Distress and Heavy Drinking. *Social Sciences and Medicine* 61(2005):965-975.

Took, K.J. (2004). *Defining Peer Pressure*. Dari Wan Su Hj Haron. (2008). Hubungan Personaliti, Kemahiran Sosial, Kebimbangan dan Rakan Sebaya Dengan Tingkah Laku Devian di Kalangan Pelajar Universiti. Univesiti Malaysia Perlis.

Utti, A. (2006). *5 H O D W L R Q V K L S % H W Z H H Q 3 D U H Q W L Q J 6 W \ O H Y Achievement In Secondary Schools In Ethiopie East L.G.A. Of Delta State*. Unpublished M. Ed Thesis Of Delta State University, Abraka.

Vera-Toscano & Esperanza. (2008). The relevance of social interactions on housing satisfaction. *Social Indicators Research*. 86 (2), 257-274.

Wan Su Hj Haron. (2008). *Hubungan Personaliti, Kemahiran Sosial, Kebimbangan dan Rakan Sebaya Dengan Tingkah Laku Devian Di Kalangan Pelajar Universiti*. Universiti Utara Malaysia: Tesis Sarjana.

Yahaya Ibrahim. (1995). *Pembandaran dan Kejiranan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yusof Hussain et al,. (2011). Housing bubbles assessment 2005-2010: Experiences in Klang Valley, Malaysia. *Advances in Natural and Applied Sciences* ×6(1):33-41.

Zainal Madon dan Mohd. Sharani Ahmad (2004). *Panduan Mengurus Remaja Moden*. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Zainudin Sharif dan Norazmah Mohamad Roslan. (2011). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti Sungai Lereh, Melaka*. *Journal Of Education Psychology and Counselling* (Mac 2011) 1: 115-140.

Zachary, P.B (2007). Shyness, Sociability, and the Use of Computer-Mediated Communication in Relationship Development. *Cyber Psychology & Behavior*. 10(1): 64-70.

Zakiah Daradjat. (1975). *Pembinaan Remaja*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.

Zakiah Jamaludin. (1995). *Penempatan Semula Setinggalan Melalui Projek Penswastan: Kajian Kes Di Desa Pandan*, Kuala Lumpur. Universiti Malaya: Tesis MA, Jabatan Antropologi dan Sosiologi.

